Ulang kaji akhir calon SPM 2023

Oleh Fatin Farhana Ariffin - Disember 8, 2023 @ 11:37am
fatin.farhana@bh.com.my



Pada barisan pertama Seelan (kanan) bersama Siti Farhana (lima dari kiri); Ketua Pegawai Operasi PTTI Group Sdn Bhd, Habibunajar Sazali (empat dari kiri) dan Mohd Efendi (empat dari kanan) pada sidang media progam PTTI Pecutan Akhir SPM di Theatrette, Sri Pentas, Bandar Utama, Petaling Jaya, semalam. Foto NSTP Eizairi Shamsudin

BANDAR UTAMA: Sempena peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2023, Media Prima Berhad (MPB) melalui stesen televisyen (TV), ntv7, bekerjasama dengan pusat peningkatan akademik dan pakar membantu pelajar SPM, PTTI menerbitkan program PTTI Pecutan Akhir SPM sebagai persediaan akhir calon.

PTTI yang terbukti berkesan dalam merubah paradigma pembelajaran tradisional kepada pengalaman digital yang lebih interaktif dan efektif, memperkenalkan program komprehensif iaitu PTTI Pecutan Akhir SPM sebanyak 16 episod, yang boleh ditonton calon SPM di ntv7, mulai esok.

Calon SPM 2023 boleh mengikuti pembelajaran dan teknik menjawab soalan peperiksaan SPM untuk mata pelajaran teras dan aliran sains iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, Sains, Matematik Tambahan, Fizik dan Kimia daripada barisan tenaga pengajar PTTI berpengalaman.

Ketua Pegawai Eksekutif ntv7, Seelan Paul, berkata, pihaknya sangat terbuka dengan kolaborasi bersama PTTI demi mempelbagaikan program pendidikan dan kandungan didik hibur di ntv7.

"Sebenarnya, kami ada kempen pecutan akhir untuk SPM 2023 pada Disember sehingga Januari ini. Kebetulan, sama dengan kempen PTTI. Kita juga ada beberapa fasa untuk kempen kita.

"Antaranya adalah tuisyen secara langsung di TV. Jadi, kami ketengahkan perkara ini kepada PTTI. Mereka agak teruja, justeru, terhasillah program 16 episod yang disiarkan secara langsung ini.

"Dalam tempoh tiga tahun, ini adalah kerjasama pertama bersama pusat tuisyen. Jadi, kami berharap penonton ntv7 terutama calon SPM 2023 akan mendapat manfaat besar daripada program PTTI Pecutan Akhir SPM 2023 yang memperkenalkan cara pembelajaran mudah, ringkas dan menyeronokkan," katanya pada sidang media PTTI Pecutan Akhir SPM di Theatrette, Sri Pentas, Bandar Utama, Petaling Jaya, semalam.

Yang turut hadir Ketua Pegawai Operasi Media Prima Omnia, Datuk Mohd Efendi Omar; Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) PTTI, Siti Farhana Abu Osman serta duta dan ikon PTTI iaitu Iman Troye dan MK K-Clique.

Seelan berkata, pihaknya yakin teknik pembelajaran yang ditekankan mampu memberi manfaat kepada calon SPM 2023.

"PTTI membawakan kepelbagaian dan kelainan. Kami nampak kredibiliti apabila mereka muncul di TV. Perkara itu juga boleh dilihat ibu bapa.

"Pada masa sama, kami mahu menarik penonton baharu. Ini mungkin boleh dicapai melalui kerjasama ini," katanya.

Siti Farhana berkata, PTTI adalah platform pendidikan dalam talian di Malaysia dengan formula dan teknik menjawab peperiksaan yang terbukti berjaya membantu pelajar meningkatkan gred peperiksaan.

Tambahnya, semuanya dilakukan menerusi pembelajaran mudah dan ringkas, justeru, inisiatif bersama MPB mampu membantu ramai calon SPM 2023.

"Inisiatif ini bukan sahaja meningkatkan akses pendidikan berkualiti tetapi membantu pelajar mencapai kecemerlangan akademik.

"Melalui kolaborasi dengan MPB di mana ntv7 sebagai platform, saya percaya dapat membantu lebih ramai pelajar dan menaikkan lagi jumlah calon yang peroleh semua A pada SPM 2023," katanya.

PTTI Pecutan Akhir SPM 2023 dikendalikan tenaga pengajar PTTI berpengalaman antaranya Muhammad Faizul Abd Hamid atau Dr Faizul; Siti Farhana (Miss Fana); Race Monsopiad Moujing Jr (Sir Race) dan Amirul Asyraf Mustafakamal Shah (Sir Berg).

Mereka akan mengajar teknik menjawab berdasarkan analisis soalan peperiksaan percubaan SPM dari setiap negeri di Malaysia.

Di studio, tenaga pengajar PTTI akan berinteraksi secara langsung dengan pelajar yang dijemput untuk membantu mereka memahami dan menguasai teknik skor SPM.

Pelajar yang dijemput secara tidak langsung dapat merasai pengalaman pembelajaran yang disiarkan secara langsung menerusi platform TV.

PTTI Pecutan Akhir SPM disiarkan setiap Sabtu dan Ahad mulai esok, pada jam 10 pagi hingga 11 pagi.

Siaran ntv7 juga boleh diikuti secara langsung menerusi siaran tonton Live TV dan XTRA Live TV, myfreeview CH107, Astro CH147, unifi CH107 dan secara maya menerusi platform digital YouTube @ntv7MALAYSIAOfficial.

PTTI mendapat pengiktirafan Malaysia Book Of Records (MBOR) apabila mencatat jumlah pelajar memperoleh semua A pada Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2022.

Kolaborasi dengan MPB melalui ntv7 diharap dapat memberi manfaat kepada pelajar SPM 2023 mencapai keputusan cemerlang.